

CABARAN PdP BAHASA ARAB SECARA DALAM TALIAN

Asmuni bin Zumrah

Guru Bahasa, Universiti Sains Islam Malaysia. asmuni@usim.edu.my

Abstrak

Pelaksanaan pdp secara dalam talian memberi cabaran baharu buat guru dalam usaha menjadikan proses ini dapat dilaksanakan dengan berkesan. Artikel ini mengenalpasti beberapa cabaran yang dihadapi oleh Guru Bahasa Arab dalam melaksanakan pdp secara dalam talian . Ia menggunakan kaedah kuantitatif melalui edaran borang soal selidik. Hasil kajian mendapati bahawa guru menghadapi cabaran dari aspek berkaitan pelajar, teknikal, dan pengurusan. Sehubungan itu, guru dan universiti perlu memainkan peranan agar cabaran yang dihadapi dapat ditangani dengan baik.

Kata kunci: PdP dalam talian, bahasa arab, cabaran, guru, universiti.

PENDAHULUAN

Dunia pendidikan sentiasa menumpukan perkembangan dalam aspek pengajaran dan pembelajaran (pdp). Ia selaras dengan revolusi industri 4.0 yang menekankan penggunaan teknologi dalam pdp supaya teknologi maklumat dapat dimanfaatkan bagi meningkatkan kualiti dan menjadikan proses pdp menarik (Noor Syaheerah & Tajul, 2021). Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) merupakan salah satu cara untuk meningkatkan keberkesanan pdp (Nur Hazirah Hairia'an & Masayu Dzainudin, 2020). ICT menawarkan pendekatan dan penguasaan kemahiran baharu untuk pelajar. Kemudahan ini memberi peluang kepada pelajar untuk meneroka dimensi baharu yang boleh memberi manfaat dalam pembelajaran mereka.

Menurut Mohd Nazri Md Saad (2017), teknologi multimedia dan komunikasi telah ditemui dan dibangunkan pada tahun 2016 secara langsung melibatkan aktiviti harian masyarakat hari ini. Antaranya teknologi live streaming, virtual and augmented reality, artificial intelligence, the internet-ofthing (IOT), Big Data, dan App Streaming. Secara asasnya, penggunaan teknologi di peringkat sekolah dan pengajian tinggi telah digunapakai dalam proses pdp seperti e-learning, blended learning dan mobile learning. Akan tetapi, teknologi yang sentiasa berkembang dari semasa ke semasa sentiasa membawa pembaharuan dan inovasi untuk meningkatkan corak pembelajaran pelajar masa kini.

Berikutan penularan wabak COVID-19-19-19 yang memberi kesan kepada seluruh dunia, Malaysia mengambil langkah penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan (PKP) yang menyebabkan pelbagai sektor terjejas termasuklah sektor pendidikan. Pelaksanaan PKP menyebabkan semua sekolah dan institusi pendidikan diarahkan tutup bermula 18 Mac 2020. Walaupun sekolah dan institusi pendidikan

ditutup, proses pdp masih perlu diteruskan. Situasi ini sekaligus mengubah lanskap pdp secara konvensional kepada pdp dalam talian atau pdp berasaskan teknologi.

Namun begitu, pelaksanaan pdp dalam talian memberikan cabaran baharu buat guru dalam usaha menjadikannya berkesan. Justeru, kajian ini ingin mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh Guru Bahasa Arab di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dalam melaksanakan pdp dalam talian.

Pdp dalam Talian

Pengajaran dan pembelajaran dalam talian (online learning) terus berkembang seiring kemajuan teknologi dan memainkan peranan penting dalam dunia pendidikan di Malaysia (P. Ayu & Gunawan, 2020). Dalam era pandemik, pdp dalam talian merupakan pilihan terbaik bagi menggantikan pdp secara konvensional dengan menggunakan pelbagai aplikasi yang tersedia.

Pdp dalam talian merupakan proses penyampaian dan penerimaan maklumat melalui penggunaan teknologi digital dan internet. Bahan pdp yang digunakan berbentuk media yang merangkumi teks, grafik visual, perkataan, animasi, video, serta audio. Stefan Hrastinski (2019) mendefinisikan pdp dalam talian sebagai pembelajaran secara tatap muka yang menggunakan perantaraan peralatan komputer di mana pelajar-pelajar dapat melihat dan mendengar murid lain dari jarak jauh. Matt Bower et al. (2016) pula menyatakan bahawa pdp dalam talian adalah penggunaan pelbagai alat teknologi yang berasaskan web untuk pendidikan. Manakala Cassidy (2016) berpendapat bahawa pdp dalam talian adalah persekitaran sistem berasaskan web yang menyediakan alat dan aplikasi perisian dalam proses pembelajaran.

Bdiwi et al. (2019) menjelaskan bahawa pdp dalam talian merangkumi kaedah bergerak (*synchronous*) dan tidak bergerak (*asynchronous*) melalui platform yang pelbagai seperti whatsapp, telegram, google meet, google classroom, ms teams, zoom, dan sebagainya. Menurut Norhalina et.al. (2021) platform pdp yang paling banyak digunakan oleh guru ialah aplikasi telegram diikuti oleh google classroom dan whatsapp. Kenyataan ini disokong oleh kajian Muhammad Hafiy dan Mumtazah (2021) yang menunjukkan bahawa 100% penggunaan aplikasi google meet menjadi pilihan guru dalam proses pdp berbanding aplikasi yang lain.

Sekalipun pdp dalam talian secara menyeluruh merupakan norma baharu bagi guru dan pelajar, mereka dilihat mampu untuk menyesuaikan diri. Hal ini kerana pdp dalam talian menjadi asas kepada perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi dengan menawarkan banyak kelebihan seperti fleksibiliti dari segi masa, kebolehcapaian internet yang baik, dan aplikasi yang mesra pengguna (Nur Hanisah & Mohd Isa, 2021), (Kuppusamy & Norman, 2021). Kelebihan ini dapat menjadikan pelajar seorang yang lebih kreatif dalam meneroka pelbagai sumber pengetahuan. Pdp dalam talian juga membantu dalam meningkatkan komunikasi antara pelajar dan tenaga pengajar sama ada di dalam jadual kuliah atau di luar supaya proses perkongsian ilmu pengetahuan dapat mencapai objektif yang ditetapkan. (Fauzan & Fatkhul, 2019), (Suharyanto et al., 2018).

Cabaran Berkait Pelajar

Masalah utama yang berkait dengan pelajar adalah masalah internet (Nor Musfirah, 2021; Nur Hanisah & Mohd Isa, 2021; Nor Halina et.al., 2020). Masalah ini dihadapi oleh kebanyakan pelajar terutama yang tinggal di kawasan pedalaman dan luar bandar. Kemudahan internet yang terhad dan capaian internet yang lemah menyukarkan pelajar untuk mengikuti proses pdp dengan baik. Hal ini menyebabkan mereka banyak ketinggalan maklumat penting bagi subjek yang diambil kerana gagal memuat turun bahan pengajaran yang dibekalkan dan mengikuti pdp secara segerak. Kesannya, motivasi pelajar merudum untuk meneruskan pengajian kerana tidak mampu untuk mengikuti pelajaran dengan baik dan melengkapkan tugas yang diberikan oleh guru.

Bebanan kewangan juga merupakan masalah yang dihadapi oleh pelajar (Siti Azura et. al., 2021). Mereka perlu menyediakan laptop atau telefon pintar dan juga membuat pembelian data internet bagi mengikuti pdp dalam talian. Kekangan ini kebiasaannya berlaku dalam kalangan pelajar yang kurang berkemampuan dan ibu bapa yang hilang sumber pendapatan akibat penularan wabak kovid-19. Terdapat juga pelajar yang dibekalkan peranti dan data internet tetapi perlu berkongsi dengan adik beradik yang masih bersekolah atau menyambung pengajian.

Suasana yang tidak kondusif juga menyukarkan pelajar untuk mengikuti pdp dalam talian (Nur Salina et. al., 2020; Zawiah, 2020). Keadaan rumah yang bising dan ruang belajar yang terhad menyebabkan pelajar tidak fokus. Situasi ini memberi kesan terhadap penglibatan pelajar semasa sesi pdp berlangsung. Pelajar akan cenderung untuk mendiamkan diri atau membuat kerja lain sewaktu pdp dijalankan. Hal ini menyebabkan pelajar terlepas maklumat penting seperti tarikh ujian dan penghantaran tugas.

Pengetahuan dan kemahiran pelajar dalam menggunakan teknologi juga menyumbang kepada keberkesanan pdp dalam talian (Siti Balqis & Muniroh, 2020). Kebolehan pelajar mengendalikan pelbagai aplikasi dan menggunakan platform pdp membantu dalam menyelesaikan tugas. Walaubagaimanapun, segelintir pelajar masih kurang kemahiran dan pengetahuan terhadap aplikasi dan platform yang digunakan oleh guru. Situasi ini akan menyukarkan guru untuk menyampaikan maklumat dan menjalankan aktiviti bagi mengukuhkan kefahaman pelajar.

Cabaran Aspek Teknikal

Pemilihan platform yang sesuai menjadi cabaran buat guru (Nor Musfirah, 2021). Walaupun pelbagai platform tersedia untuk menjalankan pdp dalam talian, akan tetapi guru perlu membuat pilihan yang terbaik agar platform yang dipilih mudah diakses dan sesuai untuk penyampaian. Pemilihan platform juga perlu mengambilkira dari aspek kesesuaian pelaksanaan aktiviti dan latihan bagi mengukuhkan kefahaman pelajar.

Guru juga menghadapi masalah kemudahan internet dan peranti bagi menjalankan pdp dalam talian (Siti Nurbaizura & Nurfaradilla, 2020; Muhammad Hafiy & Mumtazah, 2021). Ia menyukarkan guru memastikan maklumat dapat

disampaikan dengan baik terutama apabila menjalankan pdp secara segerak. Walaupun kemudahan internet disediakan di tempat kerja, akan tetapi capaiannya masih terhad dan perlu penambahbaikan. Masalah ini juga wujud apabila guru bekerja dari rumah. Internet yang dilanggan perlu dikongsi bersama keluarga menyebabkan capaian perlahan dan mengganggu proses pdp guru.

Cabaran Aspek Pengurusan

Proses pdp perlu diteruskan bagi membolehkan pelajar mengikuti pengajian dan guru menjalankan pengajaran berdasarkan perancangan yang telah dibuat.

Produktiviti guru sangat diperlukan bagi menjayakan pdp dalam talian. Antara faktor yang menyumbang kepada produktiviti guru adalah suasana yang kondusif (Nor Musfirah, 2021; Zawiah, 2020). Namun begitu, suasana pdp dalam talian yang dijalankan daripada rumah memberi kesan terhadap prestasi guru. Hal ini menuntut guru untuk menyiapkan tugas dan membuat kerja rumah pada masa yang sama. Tambahan pula, guru perlu menguruskan pdpr anak, menguruskan makan minum, dan memastikan setiap tugas anak dapat diselesaikan mengikut masa yang ditetapkan. Bebanan tugas hakiki dan tugas di rumah menyebabkan motivasi guru merudum (Nur Hanisah & Mohd Isa, 2021; Nor Halina et. al., 2021).

Pdp dalam talian juga memberi cabaran buat guru dalam memastikan pembelajaran dapat disampaikan secara berkesan (Muhammad Hafiy & Mumtazah, 2021; Siti Azura et. al., 2021). Komunikasi dua hala perlu ditekankan sama ada dalam bentuk soal jawab atau aktiviti semasa proses pdp. Sekiranya pdp secara konvensional, guru tidak menghadapi masalah untuk mewujudkan komunikasi dua hala kerana pelajar berada di tempat yang sama dan memudahkan tugas guru untuk mengawal perjalanan kelas. Manakala pdp dalam talian pula sebaliknya yang mana pelajar sukar untuk menjawab soalan atau memberi respon terhadap soalan serta aktiviti yang dijalankan guru. Sedangkan objektif latihan dan aktiviti yang dijalankan adalah untuk memastikan pelajar dapat mengikuti pdp dengan baik dan mengukuhkan kefahaman terhadap maklumat yang disampaikan oleh guru.

Aspek pengetahuan tentang teknologi bagi menjalankan pdp dalam talian juga menjadi cabaran buat guru (Nor Musfirah, 2021; Nur Hanisah & Mohd Isa, 2021). Aplikasi segerak dan tidak segerak perlu dikuasai dan digunakan semaksima mungkin dalam pdp. Kegagalan guru berbuat demikian akan mengganggu proses penyediaan bahan pdp dalam talian. Proses ini memerlukan masa dan tenaga yang lebih untuk memahami dan menggunakan setiap aplikasi yang dipilih. Penyediaan bahan yang merangkumi nota, rujukan tambahan, dan aktiviti perlu dirangka bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif berbentuk deskriptif menggunakan reka bentuk kajian tinjauan secara edaran borang soal selidik. Menurut Mohd Najib Abdul

Ghafar (2003), penyelidikan deskriptif digunakan untuk mendapat maklumat mengenai sesuatu peristiwa yang sedang berlaku.

Soal selidik telah diedarkan secara talian menggunakan Google Form. Populasi dalam kajian ini adalah terdiri daripada Guru Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM. Bilangan populasi ini adalah seramai 12 orang. Kesemua mereka telah dipilih sebagai sampel kajian berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan yang menyatakan sekiranya bilangan populasi 10 orang maka bilangan sampel adalah 10 orang. Sekiranya bilangan populasi 15 orang, maka bilangan sampel adalah 14 orang.

Pembinaan instrumen kajian dibina sendiri oleh pengkaji berdasarkan konsep dan pandangan yang dikemukakan penyelidik terdahulu iaitu (Khodijah et. al., 2018), dan (Maimun, et. al., 2017). Soal selidik ini mengandungi 2 bahagian iaitu Bahagian A mengandungi maklumat demografi responden dan bahagian B mengandungi soalan tentang cabaran yang dihadapi guru semasa mengendalikan pdp dalam talian.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini ingin mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh Guru Bahasa Arab di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dalam melaksanakan pdp dalam talian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru menghadapi cabaran dalam aspek berkait pelajar, aspek teknikal, dan aspek pengurusan.

Antara cabaran yang dihadapi oleh guru daripada aspek berkait pelajar adalah kesukaran untuk berkomunikasi. Terdapat pelajar yang tidak memberi respon sewaktu pdp dijalankan. Ia menyukarkan guru untuk menilai tahap kefahaman pelajar terhadap sesuatu topik. Isu ini juga berlaku apabila pelajar menghadapi masalah kewangan untuk melanggan perkhidmatan internet yang menyebabkan motivasi mereka merudum. Mereka memilih untuk mendiamkan diri dan mengelak untuk berkomunikasi dengan guru sama ada sewaktu pdp dijalankan atau secara personal. Terdapat juga pelajar yang mengambil keputusan untuk berhenti pengajian kerana terpaksa bekerja bagi membantu kewangan keluarga.

Guru juga menghadapi masalah pelajar yang gagal menghantar tugas dan menjawab ujian mengikut masa yang ditetapkan. Masalah ini kerap berlaku apabila pdp dijalankan secara talian jika dibandingkan dengan pdp secara bersemuka. Isu ini juga dilihat berkait dengan suasana pembelajaran di rumah yang kurang kondusif menyebabkan pelajar hilang fokus dan kurang memberikan perhatian kepada tarikh-tarikh penting sepanjang semester berlangsung.

Guru juga menghadapi masalah pelajar yang kurang mahir menggunakan aplikasi pembelajaran. Isu ini memberi kesan dalam proses pdp apabila pelajar diminta untuk membuat pembentangan, menghantar tugas, atau menjawab ujian pada aplikasi tertentu. Peruntukan masa untuk proses simulasi ujian juga perlu dijalankan bagi memberi ruang kepada pelajar untuk menyesuaikan diri dengan aplikasi yang digunakan oleh guru.

Cabaran dalam aspek teknikal pula adalah aplikasi yang digunakan tidak mesra tulisan arab. Ia menyukarkan guru mempelbagaikan penggunaan aplikasi

untuk pengajaran dan menjalankan aktiviti. Selain itu, guru juga menghadapi masalah capaian internet yang tidak stabil. Isu ini mengganggu proses pdp secara dalam talian yang sepenuhnya bergantung kepada kestabilan capaian internet.

Cabaran lain yang dihadapi oleh guru adalah aspek pengurusan. Guru menyatakan bahawa penyediaan bahan pdp secara dalam talian memerlukan masa yang lebih berbanding pdp secara bersemuka. Bukan hanya penyediaan nota, bahkan penyediaan latihan dan aktiviti juga memerlukan peruntukan masa yang lebih. Selain itu, guru juga memerlukan masa untuk menyesuaikan diri dengan aplikasi pengajaran supaya proses pdp mencapai objektif yang ditetapkan.

PERBINCANGAN

Kajian ini ingin mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh Guru Bahasa Arab di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dalam melaksanakan pdp dalam talian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru menghadapi cabaran daripada aspek berkait pelajar, aspek teknikal, dan aspek pengurusan.

Antara cabaran yang dihadapi oleh guru dalam aspek berkait pelajar adalah kesukaran untuk berkomunikasi. Dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Arifah Prima dan Iis Prasetyo (2020), Lapada et. al (2020). Mereka menyatakan bahawa kesukaran untuk mewujudkan komunikasi dua hala antara pelajar dengan guru telah menjadikan kaedah pembelajaran dalam talian ini sukar atau tidak dapat dilaksanakan. Keadaan ini menjadi kekangan kepada guru untuk berinteraksi dengan pelajar sekaligus menyebabkan penilaian terhadap kefahaman pelajar terhadap sesuatu topik tidak dapat dilaksanakan. Aviv & Golan (1998) pula menyatakan kebanyakan pelajar hanya terlibat secara pasif dan hanya sedikit sahaja yang mengemukakan soalan. Mereka mencadangkan agar perbincangan secara elektronik perlu dirancang dengan baik, berfokus dan berpanduan sepanjang proses pembelajaran agar wujud pengalaman pembelajaran yang berkesan.

Masalah kewangan untuk melanggan perkhidmatan internet turut menyumbang kepada isu ini. Pelajar merasa terbeban apabila mereka terpaksa mengeluarkan duit untuk membeli data internet bagi membolehkan mereka menghadiri kelas dalam talian, peperiksaan dalam talian, dan juga untuk menghantar tugas (Nor Musfirah, 2021). Oleh itu, pelajar cenderung untuk tidak memberi respon terhadap soalan yang diajukan oleh guru disebabkan capaian internet yang dilanggan adalah terhad. Muhammad Yaumi (2018) pula menjelaskan bahawa pembiayaan belajar secara dalam talian menjadikan pelajar gagal untuk berkomunikasi dengan guru dalam memanfaatkan sumber rujukan yang ada.

Guru juga menghadapi masalah pelajar yang gagal menghantar tugas dan menjawab ujian mengikut masa yang ditetapkan. Masalah ini kerap berlaku apabila pdp dijalankan secara dalam talian jika dibandingkan dengan pdp secara bersemuka. Kajian mendapati alasan utama pelajar apabila PdP atas talian ialah pemilikan komputer berinternet. Ini akan menjadi alasan kepada berlakunya kelewatan menghantar tugas dan sebagainya (Nor Musfirah, 2021).

Isu ini juga dilihat berkait dengan suasana pembelajaran di rumah yang kurang kondusif menyebabkan pelajar hilang fokus dan kurang memberikan perhatian kepada tarikh-tarikh penting sepanjang semester berlangsung. Menurut Buja et al. (2020), murid tidak dapat memberikan sepenuh tumpuan terhadap pembelajaran di rumah kerana ada dalam kalangan mereka perlu membantu keluarga dalam urusan harian. Nor Musfirah (2021) menjelaskan bahawa suasana persekitaran yang bising, ruang belajar yang tidak selesa, tiada meja dan kerusi yang sesuai akan menyebabkan mereka sukar untuk memberi tumpuan ketika sesi e-pembelajaran dijalankan. Suasana pembelajaran amatlah penting bagi pelajar bagi memastikan pelajar dapat fokus semasa proses pembelajaran dalam talian. Waqar dan Shahid (2008) pula berpendapat bahawa kebanyakan pelajar terdiri daripada keluarga berpendapatan rendah. Mereka tinggal di dalam rumah yang sederhana menyebabkan mereka tiada ruang khas untuk mengikuti pembelajaran dalam talian secara fokus. Suasana ini mengganggu proses pembelajaran pelajar terutama apabila berdepan masalah keluarga dan isu kesihatan.

Selain itu, guru juga menghadapi masalah pelajar yang kurang mahir menggunakan aplikasi pembelajaran. Isu ini memberi kesan dalam proses pdp apabila pelajar diminta untuk membuat pembentangan, menghantar tugas, atau menjawab ujian pada aplikasi tertentu. Dapatan ini selari dengan kajian Nur Salina et. al. (2020) yang menyatakan bahawa masih ramai pelajar universiti yang tidak mempunyai kemahiran asas penggunaan teknologi. Kemahiran ini sangat penting bagi membantu pelajar mengikuti pdp dalam talian dan menyelesaikan tugas yang diberi sepanjang semester.

Cabaran daripada aspek teknikal pula adalah aplikasi yang digunakan tidak mesra tulisan arab. Ia menyukarkan guru mempelbagaikan penggunaan aplikasi untuk pengajaran dan menjalankan aktiviti. Nor Musfirah (2021) menyarankan agar guru mengoptimumkan pelbagai aplikasi bagi tujuan mencapai hasil pembelajaran. Dalam masa yang sama guru boleh meminta maklum balas daripada pelajar tentang kaedah PdP yang dilaksanakan untuk memastikan keberkesanannya. PdP dalam talian juga sebagai persediaan bagi perubahan corak pendidikan pada masa depan.

Masalah capaian internet yang tidak stabil juga antara cabaran buat guru. Isu ini mengganggu proses pdp secara dalam talian yang sepenuhnya bergantung kepada kestabilan capaian internet. Kenyataan ini selari dengan kajian oleh Nor Halina et. Al. (2021), Siti Nur Baizura dan Norfaradilla (2020), Muhammad Hafiy dan Mumtazah (2021) yang menyatakan bahawa kestabilan internet adalah penting supaya penyampaian pengajaran oleh guru berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan.

Cabaran lain yang dihadapi oleh guru adalah aspek pengurusan. Guru menyatakan bahawa penyediaan bahan pdp secara dalam talian memerlukan masa yang lebih berbanding pdp secara bersemuka. Bukan hanya penyediaan nota, bahkan penyediaan latihan dan aktiviti juga memerlukan peruntukan masa yang lebih. Nor Musfirah (2021) menyatakan bahawa guru perlu lebih bersedia dalam menyediakan bahan pengajaran yang kreatif agar PdP dapat disampaikan kepada pelajar secara inklusif dan holistik. Hal ini kerana terdapat sebilangan daripada mereka yang tidak

mampu mengakses internet dengan stabil. Menurut Shahiza dan Fariza (2019) pula, menjadi tanggungjawab guru untuk memilih teknik yang sesuai dalam mencipta bahan pdp supaya seiring dengan perkembangan teknologi semasa.

Antara cabaran lain adalah menyesuaikan diri dengan aplikasi pengajaran. Guru juga memerlukan peruntukan masa untuk menyesuaikan diri dengan aplikasi pengajaran supaya proses pdp mencapai objektif yang ditetapkan. Menurut Muhammad Hafiy dan Mumtazah (2021) guru yang dikategorikan sebagai guru veteran agak kurang pengetahuan tentang penggunaan aplikasi berbanding guru muda yang lebih mahir mengendalikan pelbagai aplikasi baharu. Nor Halina et. al (2021) menjelaskan bahawa pengetahuan guru yang terhad dalam bidang ICT menyebabkan pembelajaran secara dalam talian tidak berjalan dengan lancar. Kenyataan ini disokong oleh Noriyani (2017) bahawa amat penting bagi guru mempunyai pengetahuan dalam bidang ICT dan ia perlu bersesuaian dengan mata pelajaran yang diajar.

KESIMPULAN

Implikasi penularan wabak COVID-19-2019 yang berlaku di Malaysia merubah lanskap pendidikan secara konvensional kepada pdp dalam talian. Pendekatan pdp dalam talian perlu sentiasa dikemaskini dalam usaha meningkatkan sistem pendidikan negara ke arah yang lebih baik. Pdp dalam talian yang merangkumi kaedah segerak (synchronous) dan tidak segerak (asynchronous) melalui platform yang pelbagai seperti whatsapp, telegram, google meet, google classroom, ms teams, zoom, dan sebagainya merupakan pilihan terbaik bagi meneruskan proses pdp di musim pandemik.

Akan tetapi, terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan pdp dalam talian. Aspek yang pertama adalah cabaran berkait pelajar. Guru menghadapi masalah kesukaran untuk berkomunikasi dengan pelajar, masalah kewangan untuk melanggan internet, gagal menghantar tugas dan menjawab ujian mengikut masa yang ditetapkan, suasana pembelajaran di rumah yang kurang kondusif, dan pelajar kurang mahir menggunakan aplikasi pembelajaran. Aspek kedua adalah cabaran teknikal. Guru menghadapi masalah beberapa aplikasi yang digunakan tidak mesra tulisan arab dan masalah capaian internet yang tidak stabil. Aspek ketiga adalah cabaran pengurusan. Guru menghadapi masalah penyediaan bahan pdp dalam talian yang memperuntukan masa yang lebih berbanding pdp secara bersemuka dan masalah untuk menyesuaikan diri dengan aplikasi pengajaran.

Justeru itu, semua pihak berperanan dalam menambahbaik sistem pendidikan di Malaysia seterusnya menghasilkan pelajar yang cemerlang. Kesimpulannya, cabaran pdp ini bukan hanya ditangani oleh individu tetapi ianya memerlukan kerjasama semua pihak termasuk guru, pelajar, ibu bapa, dan pengurusan universiti dalam usaha memastikan sesi pdp menjadi lebih bermakna dan menepati sasaran hasil pembelajaran.

RUJUKAN

- Arifah Prima & Iis Prasetyo. 2020. *Persepsi Guru Dampak Pandemi COVID-19-19-19 terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Daring di PAUD*. Jurnal Obsesi: Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini, 5(1), 633-640.
- Aviv & Golan. 1998. *Pedagogical Communication Patterns in Collaborative Telelearning*. Journal of Education Technology Systems. http://www.cjlt.ca/content/vol29/cjlt29-3_art6.html
- Bdiwi. 2019. *Smart Learning Environment: Teacher's Role In Assessing Classroom Attention*. Research In Learning Technology. 27. DOI: <https://doi.org/10.25304/rlt.v27.207>
- Buja A., Paganini, M., Cocchio, S., Scioni, M., Rebba, V. & Baldo V. 2020 Demographic and socioeconomic factors, and healthcare resource indicators associated with the rapid spread of COVID-19-19-19 in Northern Italy: An ecological study. PLoS ONE, 15 (12), e0244535
- Cassidy. 2016. *The Academic Resilience Scale (ARS-30): A New Multidimensional Construct Measure*. Psychological Resilience In Students And Education. DOI: <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2016.01787>
- Fauzan & Fatkhul Arifin. 2019. *The Effectiveness Of Google Classroom Media On The Students' Learning Outcomes Of Madrasah Ibtidaiyah Teacher Education Department*. Al Ibtida. Jurnal Pendidikan Guru MI. DOI: <http://dx.doi.org/10.24235/al.ibtida.snj.v6i2.5149>
- Khodijah, A. R., Siti Zaharah, M., & Roslinda, R. 2018. *Kesediaan Guru Menggunakan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah Rendah Agama di Selangor*. Proceeding of IC-ITS 2018 e-ISBN:978-967-2122-64-7 4th International Conference on Information Technology & Society, 1–9.
- Kuppusamy, Y. & Norman, H. 2021. *Kemahiran Teknologi Dan Kesediaan Melaksanakan Pembelajaran Dan Pemudahcaraan Dalam Talian Semasa Era Pandemik Dalam Kalangan Guru Di Sekolah Rendah Tamil*. Jurnal Dunia Pendidikan. Vol. 3(1). 428-441. Retrieved from: <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdspd/article/view/12937/6671>
- Lapada Aris Alea, Miguel Frosyl Fabrea, Robledo Dave Arthur Roldan & Alam Zeba Farooqi. 2020. *Teachers' COVID-19-19-19 awareness, distance learning education experiences and perceptions towards institutional readiness and challenges*. International Journal of Learning, Teaching and Educational Research, 19(6), pp.127-144.
- Maimun Aqsha, L., Wan Nurul Syuhada', W. H., & Mohd Isa, H. 2017. *Tahap Pengetahuan dan Kesediaan Guru-Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Selangor Terhadap Penggunaan Multimedia dalam Pengajaran Pendidikan Islam*. ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J), 1(January), 1–13. <https://doi.org/10.1107/S205698901700411X>

- Matt Bower, Mark J. W. Lee, and Barney Dalgarno. 2016. *Collaborative Learning Across Physical And Virtual Worlds: Factors Supporting And Constraining Learners In A Blended Reality Environment*. *British Journal Of Educational Technology*.
- Mohd Nazri Md Saad. 2017. *Perkembangan Media, Multimedia Dan Teknologi Maklumat Masa Kini*. The International Conference on Development of Education, Environment, Tourism, Economics, Politics, Arts and Heritage (ICDETAH2017), Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhammad Hafiy bin Abdul Rashid & Mumtazah binti Narowi. 2021. *Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Terhadap Mata Pelajaran Pendidikan Islam Secara Dalam Talian: Perspektif Guru Di Sekolah Maahad Hafiz, Klang*. *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*. Vol. 17. Special Issue (2021). pp. 114-128.
- Muhammad Yaumi. 2018. *Media dan teknologi pembelajaran*. Prenada Media.
- Noor Syaheerah Hamdan & Tajul Arifin Muhamad. 2021. *Motivasi Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Di Kuala Lumpur Dan Keterlibatan Pelajar Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian Sepanjang Tempoh Pandemik COVID-19-19-19*. 2nd International Conference on Education, Social Sciences and Engineering (ICESE 2021).
- Nor Halina Noordin, Liza Wati, Norhafinas Abd Latib. 2021. *Cabaran Pensyarah Kolej Komuniti Dalam Melaksanakan Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian*. e-Proceedings of the Green Technology & Engineering 2020 Virtual Conference (GREENTECH'20). 193-202.
- Noriyani Doman. 2017. *Implikasi Google Apps Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pelajar Pesisir UTHM*. *Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*
- Nur Hanisah Ahmad Saifudin & Mohd Isa Hamzah. 2021. *Cabaran Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (Pdpr) Dalam Talian Dengan Murid Sekolah Rendah*. *Jurnal Dunia Pendidikan*. Vol. 3 (3). 250-264.
- Nur Hazirah Hairia'an & Masayu Dzainudin. 2020. *Pengajaran Dan Pemudahcaraan Dalam Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan*. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan (Special Issue)*. Vol. 9. 18-28.
- Nur Salina Ismail, Nor Mazlina Abu Bakar, Sharifah Wajihah Wafa Syed Saadun Tarek Wafa. 2020. *Online Learning Challenges During Pandemic COVID-19-19-19 In Malaysian Higher Learning Institution*. *Universal Journal of Educational Research*. 8(12). 7151 - 7159. DOI: 10.13189/ujer.2020.081282.
- P. Ayu Suci Lestari & Gunawan. 2020. *The Impact Of COVID-19-19-19 Pandemic On Learning Implementation Of Primary And Secondary School Levels*. *Indonesian Journal of Elementary and Childhood Education*.
- Siti Azura Binti Abu Hassan, Suzana Binti Zainol Abidin, Zulkurnain Bin Hassan. 2021. *Keberkesanan Pembelajaran Dan Pengajaran Dalam Talian (E-pembelajaran) Terhadap Pembelajaran Pelajar Di Kolej Komuniti Hulu Langat*. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*. Issue 10. Vol 2. 1-14
- Siti Balqis Mahlan & Muniroh Hamat. 2020. *Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan*. e-Learning@CS. 14-22.

- Siti Nur Baizura C. A, & Nur Faradilla M. N. 2020. *Pandangan Guru Terhadap Pembelajaran dalam Talian melalui pendekatan Home Based Learning (HBL) semasa tempoh Pandemik COVID-19-19-19*. PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature, 11, 46-57. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.edisikhas.4.2020>
- Stefan Hrastinski. 2019. *What Do We Mean by Blended Learning?* TechTrends. DOI: <https://doi.org/10.1007/s11528-019-00375-5>
- Suharyanto Suharyanto & Adele B. L. Mailangkay. 2018. *Penerapan E-Learning Sebagai Alat Bantu Mengajar Dalam Dunia Pendidikan*. Jurnal Ilmiah Widya.
- Syahiza Zaharuddin & Fariza Khalid. (2019). *Penerimaan Pelajar Tingkatan 1 terhadap Penggunaan Aplikasi Web 2.0 untuk Pembelajaran*. Graduate Research in Education Seminar 2019.
- Zawiah Binti Bahrom. 2020. *Pedagogi Norma Baharu: Cabaran Dan Hikmah*. Jurnal Refleksi Kepemimpinan. Vol. 3. 74-85.